



UNDANG² MALAYSIA

Akta 23

AKTA (PENCHEN DAN GANJARAN) ANGGOTA
PENTADBIRAN DAN AHLI PARLIMEN, 1971

Tarikh Persetujuan di-Raja ... 22hb April, 1971

Tarikh di-terbitkan dalam *Warta* ... 29hb April, 1971

UNDANG² MALAYSIA

Akta 23

AKTA (PENCHEN DAN GANJARAN) ANGGOTA
PENTADBIRAN DAN AHLI PARLIMEN, 1971

SUSUNAN SEKSHEN²

Sekshen

1. Tajok ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Penchen bagi Anggota Pentadbiran.
4. Peruntukan² khas bagi Menteri yang menjadi "back-bencher".
5. Penchen minima bagi Perdana Menteri.
6. Kadar penchen.
7. Ganjaran.
8. Bayaran penchen.
9. Penchen dan ganjaran tidak boleh di-serahak.
10. Pembayaran dari Kumpulanwang Di-satukan.
11. Peratoran².
12. Kechualian.
13. Perkhidmatan masokira bagi maksud orang² tertentu.
14. Pemansokhan.

UNDANG² MALAYSIA

Akta 23

AKTA (PENCHEN DAN GANJARAN) ANGGOTA
PENTADBIRAN DAN AHLI PARLIMEN, 1971

Suatu Akta bagi membuat peruntukan berkenaan penchen dan ganjaran bagi Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen.

[Ihb Januari, 1970.]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, seperti berikut:

1. Akta ini boleh-lah di-namakan Akta (Penchen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen, 1971, dan hendak-lah di-sifatkan sa-bagai telah mula berkuat-kuasa pada ~~1~~ ^{19th} ~~Januari, 1970~~ ^{haribulan Mac, 1969}

Tajok ringkas dan mula berkuat-kuasa. (Act. A. 180/73)

2. Dalam Akta ini, melainkan jika kandungan ayat-nya menghendaki makna yang lain—

Tafsiran.

“Anggota” erti-nya Anggota Pentadbiran sa-bagaimana di-taariffkan dalam Perkara 160 (2) Perlembagaan Persekutuan dan termasuk-lah sa-saorang Ahli mana² satu Majlis Parlimen tetapi tidak termasuk Setiausaha Politik yang tidak menjadi Ahli Parlimen atau Anggota Pentadbiran sa-suatu Negeri;

“perkhidmatan masokira” erti-nya tempoh sa-masa sa-saorang menjadi Anggota sama ada terus menerus atau dalam dua tempoh atau lebih yang berasingan; dan bagi maksud mengira lama-nya “perkhidmatan masokira” sa-saorang Anggota, semua tempoh perkhidmatan masokira hendak-lah di-jumlahkan;

“gaji” erti-nya—

(a) berhubung dengan sa-saorang Ahli Parlimen, elaun bulanan yang kena di-bayar kapada-nya di-bawah Akta (Saraan Ahli²) Parlimen, 1960;

(b) berhubung dengan Perdana Menteri, Menteri atau Menteri Muda, gaji yang kena di-bayar kepada-nya mengikut undang² berhubung dengan saraan Anggota² itu;

(c) berhubung dengan Setiausaha Parlimen, gaji berupa elaun bulanan yang kena di-bayar kepada-nya di-bawah Akta (Saraan) Setiausaha² Parlimen, 1965;

dan termasuk-lah, di-mana berkenaan, elaun sa-bagai sa-orang Menteri di-Tetapkan, sa-bagai Ketua atau Timbalan Ketua Dewan Ra'ayat atau sa-bagai Ketua Pembangkang.

Penchen
bagi
Anggota
Pentad-
bitan

3. (1) Sa-saorang yang berhenti menjadi Anggota boleh di-beri penchen jika ia telah genap sembilan tahun perkhidmatan masokira dan jika tatkala berhenti sa-demikian ia telah mencapai umur empat puluh lima tahun atau kemudian-nya apabila ia mencapai umur empat puluh lima tahun.

(2) Penchen di-bawah sekshen ini hendak-lah di-bayar terus menerus sa-lama hidup orang yang kena di-bayar penchen itu tetapi tidak boleh di-bayar bagi tempoh ia menjadi Anggota sa-mula dan ia-nya menerima gaji bagi tempoh itu.

Peruntokan
khas bagi
Menteri²
yang
menjadi
"back-
bencher".

4. Walau apa pun yang terkandung dalam sekshen 3 (2), sa-saorang Anggota yang tidak memegang jawatan Perdana Menteri, Menteri atau Menteri Muda boleh di-beri penchen di-bawah sekshen 3 (1) jika dahulu-nya ia telah berkhidmat sa-bagai Perdana Menteri atau sa-bagai Menteri atau Menteri Muda sa-lama tempoh tidak kurang daripada tiga tahun (sama ada terus menerus atau tidak).

Penchen
minima bagi
Perdana
Menteri.

5. Walau apa pun yang terkandung dalam sekshen 6, sa-saorang Anggota yang telah memegang jawatan Perdana Menteri sa-lama tempoh tidak kurang daripada 4 tahun (sama ada terus menerus atau tidak) boleh di-beri penchen di-bawah sekshen 3 atau sekshen 4, mengikut mana yang berkenaan, sa-banyak tidak kurang daripada \$3,000 sa-bulan.

Kadar
Penchen.

6. (1) Penchen yang kena di-bayar di-bawah sekshen 3 hendak-lah di-kira mengikut kadar 1/540 daripada gaji tahunan Anggota bagi tiap² satu bulan perkhidmatan masokira yang telah genap termasuk mana² tempoh ia telah menerima penchen di-bawah sekshen 4.

(2) Penchen yang kena di-bayar di-bawah seksyen 4 hendak-lah di-kira mengikut kadar 1/540 daripada gaji tahunan Anggota bagi tiap² satu bulan perkhidmatan masokira yang telah genap sa-belum daripada ia akhir sa-kali berhenti memegang jawatan Perdana Menteri, Menteri atau Menteri Muda.

(3) Penchen maksima yang kena di-bayar dalam mana² satu hal yang tersebut di-atas ia-lah bagi tempoh 240 bulan perkhidmatan masokira yang telah genap.

(4) Gaji yang akan di-kira untuk menghitong penchen dalam sa-suatu hal tertentu sa-bagaimana tersebut di-atas ia-lah satu pertiga dari jumlah gaji yang di-terima dalam masa mana² 36 bulan daripada perkhidmatan masokira (sama ada tempoh ini terus menerus atau tidak) di-mana gaji itu ada-lah pada takat atau takat² maksima-nya.

(a) - - - -

7. (1) Sa-saorang boleh di-beri ganjaran—

Ganjaran.

(a) apabila ia mati sa-masa menjadi sa-orang Anggota;

(b) apabila ia berhenti menjadi sa-orang Anggota tetapi bukan-nya sa-mata² oleh sebab pembubaran Parlimen:

Dengan syarat bahawa jika Anggota itu ada-lah Perdana Menteri, Menteri atau Menteri Muda, menurut pilihan-nya sendiri, apabila ia berhenti memegang jawatan itu;

(c) jika ia sa-orang Anggota, menurut pilihan-nya sendiri, apabila Parlimen di-bubarkan.

(2) Gaji yang akan di-kira untuk menghitong ganjaran dalam sa-suatu hal tertentu ia-lah satu pertiga daripada jumlah gaji yang di-terima dalam masa mana² 36 bulan daripada perkhidmatan masokira (sama ada tempoh ini terus menerus atau tidak) di-mana gaji itu ada-lah pada takat atau takat² maksima-nya, atau, jika perkhidmatan masokira itu kurang daripada tiga tahun, gaji hitong panjang dalam masa perkhidmatan masokira itu, yang di-kira atas asas tahunan.

(3) Jumlah ganjaran hendak-lah di-kira mengikut kadar 1/96 daripada gaji tahunan Anggota itu bagi tiap² satu bulan perkhidmatan masokira yang telah genap dengan syarat bahawa ganjaran maksima yang kena di-bayar tidak lebih daripada jumlah bagi 240 bulan.

(4) Sa-suatu tempoh perkhidmatan masokira yang telah di-bayar ganjaran atau award wang tunai kepada sa-suorang Anggota mengenai perkhidmatan-nya sa-belum daripada Akta ini mula berkuatkuasa atau sa-suatu tempoh perkhidmatan masokira yang ganjaran telah di-bayar dahulu di-bawah peruntukan Akta ini tidak-lah di-kira bagi maksud mengira ganjaran yang genap masa-nya kena di-bayar di-bawah Akta ini.

(5) Jika sa-saorang Anggota mati dan suatu ganjaran di-bawah seksyen ini di-beri maka ganjaran itu boleh di-bayar kepada mana² orang tanggungan-nya mengikut sa-bagaimana yang di-putuskan oleh Yang di-Pertuan Agong atau, jika tidak ada orang tanggungan, kepada wakil dirinya di-sisi undang².

Bayaran penchen.

8. Penchen di-bawah Akta ini boleh di-bayar sa-chara bulanan pada akhir tiap² satu bulan penchen itu genap masa-nya di-bayar atau pada lat² tempoh lain mengikut sa-bagaimana yang di-tetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong sama ada sa-chara am atau dalam sa-suatu hal tertentu.

Penchen dan ganjaran tidak boleh di-serahak.

9. Sa-suatu penchen atau ganjaran yang di-beri di-bawah Akta ini tidak boleh di-serahak atau di-pindahmilk kechuali bagi maksud—

(a) menjelaskan hutang yang kena di-bayar kepada Kerajaan; atau

(b) menunaikan Perintah sa-suatu mahkamah bagi membayar wang berkala terhadap nafkah isteri atau bekas isteri atau anak remaja Anggota yang telah di-beri penchen itu,

tetapi tidak boleh di-kena tahan, di-asingkan atau di-levi bagi atau mengenai apa² jua hutang atau tuntutan kechuali hutang yang kena di-bayar kepada Kerajaan.

Act A. 120/72 > 9A. ---
Act A. 330/72 > 9A. ---

Pembayaran dari Kumpulan-wang Disatukan.

10A Sa-suatu penchen atau ganjaran yang kena di-bayar di-bawah Akta ini hendak-lah di-bayar dari Kumpulanwang Disatukan.

Peratoran².

11. (1) Yang di-Pertuan Agong boleh membuat peratoran² bagi maksud melaksanakan mana² daripada peruntukan Akta ini.

(PENCEN DAN GANJIAN) ANGGOTA PENTADBIRAN DAN
AHLI PARLIMEN

9

(2) Dengan tidak menyentoh sekshen-kechil (1), peratoran² yang di-buat di-bawah sekshen-kechil itu boleh memperuntokkan, walau apa pun yang terkandung dalam Akta ini, bahawa jika sa-saorang, sa-belum menjadi Anggota, telah menjadi Ahli Dewan Negeri atau Ahli Council Negeri, maka tempoh (terus menerus atau tidak) orang itu telah menjadi Ahli Dewan Negeri atau Ahli Council Negeri boleh di-ambil kira bagi maksud mengira lama-nya tempoh perkhidmatan masokira Anggota itu.

(3) Apa² peratoran yang di-buat di-bawah sekshen ini hendak-lah di-bentangkan dalam tiap² satu Majlis Parlimen.

12. Tiada apa² jua dalam Akta ini boleh menyentoh peruntokan²—

- (a) Ordinan (Saraan) Menteri², 1957;
- (b) Akta Menteri² Muda, 1960;
- (c) Akta (Saraan Ahli²) Parlimen, 1960; dan
- (d) Akta (Saraan) Setiausaha² Parlimen, 1965,

berhubung dengan faedah² kemalangan bagi Anggota².

13. Jika sa-saorang telah menjadi Anggota pada 1hb Januari, 1970, sa-suatu tempoh (terus menerus atau tidak) sa-belum daripada tarikh itu tetapi tidak lebeh awal daripada 31hb Ogos, 1957 boleh di-ambil kira bagi maksud mengira lama-nya perkhidmatan masokira Anggota itu.

Perkhid-
matan
masokira
bagi
maksud
orang²
tertentu.

Sub
Act A.180/70

14. Sekshen 6 Ordinan (Saraan) Menteri², 1957 ada-lah dengan ini di-mansokhkan.

Peman-
sokhan.

SASUAL

Act A.130/72